

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 21 MEI 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1141-L2024
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasionalnya terhadap salah satu keputusan yang telah diluluskan semasa "Mesyuarat Negara Kerajaan Tempatan" (MNKT) ke-57 yang telah dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri adalah pelantikan Yang di-Pertua PBT sebagai Pesuruhjaya Bangunan bagi membolehkan bangunan yang belum diserahkan Hak Milik Strata dikendalikan sepenuhnya oleh PBT dan adakah dengan keputusan ini akan mempercepatkan urusan di PBT.
2. PN-1141-L2219
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengambil alih pengurusan Hospital Gombak. Sekiranya tidak, apakah sebabnya dan apakah langkah-langkah bagi meningkatkan tahap pengurusannya.
3. PN-1141-L2821
Dato' Azian bin Osman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan masalah serta langkah penyelesaian berhubung kemerosotan mutu sukan bola sepak negara.
4. PN-1141-L2165
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara telus sebab-sebab Laluan Terowong SMART ditangguhkan untuk aliran trafik dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin keselamatan pengguna-pengguna Terowong SMART berkenaan pada musim-musim banjir.

5. PN-1141-L2381
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERUSAHAAN, PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk membantu dan meningkatkan para petani dan pengusaha-pengusaha ladang di dalam penanaman getah asli di seluruh negara memandangkan harga pasaran dunia bahan tersebut sangat menggalakkan.
6. PN-1141-L2839
Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini apakah petunjuk dan perkembangan terhadap pencapaian negara dalam menuju Wawasan 2020.
7. PN-1141-L2109
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-
 - (a) adakah benar Malaysia mendapatkan bekalan import beras daripada Amerika Syarikat bagi memenuhi keperluan beras di negara ini dan jika ada, setakat ini berapa banyakkah yang berada di pasaran; dan
 - (b) apakah benar dakwaan yang menyatakan bahawa beras import daripada Amerika Syarikat adalah dihasilkan menerusi teknologi kejuruteraan genetic (GE) berlebihan yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada pengguna.
8. PN-1141-L2665
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan statistik kaum India yang telah melibatkan diri dalam program MECD di skim usahawan siswazah, tabung usahawan siswazah dan SMIDEC semenjak dua tahun yang lalu.
9. PN-1141-L2202
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyeragamkan kelulusan profesion perguruan pra-sekolah di negara ini supaya bersesuaian dengan tema Hari Guru tahun lepas iaitu Guru berkualiti Pemangkin Kecemerlangan dan Guru Berkualiti Aspirasi Negara, memandangkan kepentingan mereka dalam mendidik dan membimbing generasi kanak-kanak hari ini untuk menjadi rakyat Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang di masa depan.
10. PN-1141-L2513
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk mendidik rakyat supaya mengamalkan gaya hidup yang sihat. Apakah Kementerian memberi penekanan dan galakan kepada 'preventive medical practice' dan apakah kejayaan utama setakat ini.

11. PN-1141-L2922
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk meneliti akan rasional cadangan menaikkan kos mengerjakan haji memandangkan kenaikan harga minyak janganlah dijadikan alasan bagi tujuan tersebut. Kenaikan kos akan hanya membebankan umat Islam bagi mengerjakan ibadat rukun Islam yang ke lima tersebut.
12. PN-1141-L2747
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dua buah persatuan pengguna baru-baru ini mendesak Kerajaan mengenakan cukai jualan yang lebih tinggi supaya sekotak rokok 20 batang yang dijual di negara ini berharga sekurang-kurangnya RM10.00, adakah cadangan ini dapat mengurangkan orang ramai daripada berhenti merokok.
13. PN-1141-L2502
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah dan bilangan penuntut yang diberikan biasiswa dan pinjaman oleh Kerajaan kepada penuntut yang menyambung pelajaran ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah untuk tempoh 2001 - 2007.
14. PN-1141-L2580
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adanya sebarang cadangan untuk mendirikan 'Gimnasium Rakyat' secara percuma bagi setiap bandar supaya masyarakat setempat menjaga kesihatan dengan sempurna.
15. PN-1141-L2209
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing mengikut warganegara yang terlibat dalam kes-kes jenayah seperti rogol, bunuh, penculikan, peras ugut dan sebagainya.
16. PN-1141-L2207
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pemberian mata demerit Sistem Keselamatan Jalan Raya (Kejora) yang diperkenalkan pada tahun 1997 diakui oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mempunyai kelemahan. Apakah langkah-langkah mengatasi kelemahan itu kerana sejak diperkenalkan berapakah jumlah pesalah trafik yang dipotong mata demerit atau digantung atau ditarik balik lesen memandu mereka.
17. PN-1141-L2705
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada kajian mengenai kesan kepada alam sekitar dijalankan sebelum sesuatu jalan raya/lebuhraya dibina bagi memastikan gangguan yang minima berlaku ke atas alam sekitar, kehidupan liar dan kehijauan keseluruhannya.

18. PN-1141-L2781
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa buah sekolah di kawasan luar bandar akan dapat menikmati bekalan elektrik dan air bersih. Sekiranya belum dilaksanakan bilakah akan dilaksanakan dan jumlah sekolah yang mendapat kemudahan tersebut. Pada masa ini bekalan elektrik, bekalan air dan talian telefon di beberapa buah sekolah di luar bandar masih belum mendapat kemudahan sewajarnya terutama di negeri Sabah.
19. PN-1141-L2153
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah secara berkesan agar banjir secara besar-besaran tidak lagi melanda negeri Johor dan negeri yang lain.
20. PN-1141-L2901
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah Malaysia dapat menjadi negara yang mencukupi dalam keperluan hasil pertanian seperti beras, daging, susu, sayur, ikan dan lain-lain. Apakah bahan pertanian yang masih tidak mencukupi dalam jangka masa 5-10 tahun akan datang.
21. PN-1141-L2144
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kriteria-kriteria pemilihan penawaran susu lembu dalam Rancangan Makanan Tambahan Susu Berperisa dan nama-nama syarikat yang berjaya mendapat tender dengan sebut harga masing-masing pada tahun 2005 dan 2006.
22. PN-1141-L2345
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapakah Kementerian memberi kelulusan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk melupuskan hutan simpan kepada hutan biasa seluas 23,000 hektar di Lojing, hutan yang dikatakan miskin, contohnya tapak Majlis Sukan Negara, mengeluarkan balak pada tahun 2000 dan 2001 yang jumlah nilai jutaan ringgit. Persoalannya apakah Kementerian meluluskan tanpa melihat asas-asas di tapak tersebut.
23. PN-1141-L2588
Tuan Rawisandran a/l Narayanan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan khusus yang telah diambil untuk memastikan pencapaian 3% ekuiti kaum India di negara kita sebelum 2020 dan langkah pemantauan yang telah diambil.
24. PN-1141-L2717
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian dan Bank Negara selesai dengan penurunan nilai Ringgit dan apakah tahap nilai berbanding (\$) Dolar Amerika Syarikat yang dianggap dapat meletakkan ekonomi di tahap yang paling baik dari segi daya saingnya.

25. PN-1141-L2542
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang dikenal pasti bagi memerangi pengganas dan penjenayah habis-habisan seperti yang telah disebut oleh YAB. Perdana Menteri.
26. PN-1141-L2375
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa visa umrah diperketatkan termasuk ada syarat-syarat tambahan yang dikeluarkan Kerajaan Arab Saudi baru-baru ini sehingga menyebabkan lebih 1,000 jemaah Malaysia terkandas.
27. PN-1141-L2544
Puan Mumtaz binti Md. Nawī minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan terdapat banyak papan tanda yang tidak dikemas kini dan tidak diletakkan di tempat yang strategik sehingga mengelirukan dan boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya khususnya di lebuhraya. Berapa kerapkah kajian dibuat terhadap keberkesanan papan tanda di jalan raya Malaysia khususnya lebuhraya.
28. PN-1141-L2066
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada gaji minima akan dilaksanakan bagi pekerja-pekerja perladangan.
29. PN-1141-L2750
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan walaupun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah mengambil pelbagai usaha untuk memungut semula hutang tetapi masih banyak bekas siswazah yang masih liat untuk membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan, apakah usaha Kementerian dalam menangani isu ini.
30. PN-1141-L2041
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan peranan Kementerian memajukan industri pelancongan di Kampung Melayu Pulau Pinang.
31. PN-1141-L2849
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah Kerajaan akan meletakkan telekomunikasi sebagai kemudahan asas supaya semua premis yang dibina disediakan bersama dengan talian tetap.
32. PN-1141-L2246
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kemasukan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) disebabkan tahap keupayaan guru-guru yang memegang jawatan tinggi dalam Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) adalah sangat tidak memuaskan.

33. PN-1141-L2697
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk mengatasi dan memantau karenah kakitangan Kerajaan yang didakwa ramai di antaranya terlibat dan tertipu oleh skim cepat kaya.
34. PN-1141-L2333
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah istilah sekolah "kluster" digunakan oleh Kementerian yang dianggap sebagai bahasa rojak.
35. PN-1141-L2384
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk membantu para petani dan nelayan serta pengusaha-pengusaha bumiputera di seluruh negara dalam menentukan harga pasaran produk-produk mereka terjamin serta laris lebih-lebih lagi di mana 'packaging, branding and quality control' memainkan peranan dan menjadi penentu harga pasaran.
36. PN-1141-L2076
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah peruntukan yang diluluskan di bawah RMK-9 bagi sekolah-sekolah Missionary separuh bantuan rendah dan menengah.
37. PN-1141-L2279
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apa rasionalnya pengambilan pegawai yang agak ramai baru-baru ini sehingga tidak mengikuti saluran biasa iaitu membelakangi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).
38. PN-1141-L2128
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah perkembangan terkini rundingan di antara Kerajaan Malaysia dan Indonesia bagi mengatasi masalah jerebu.
39. PN-1141-L2894
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kadar pengangguran graduan bagi tahun 2005-2006.
40. **PN-1141-L2403**
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pegawai tentera wanita mengikut pangkat di dalam cabang Tentera Darat, Tentera Udara dan Tentera Laut.

41. PN-1141-L2051
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan pertindihan bidang kuasa berkenaan undang-undang ruang udara atau laluan udara yang turut melibatkan Kementerian dan Kerajaan negeri, khasnya berhubung penggunaan ruang udara untuk pancaran khidmat telekomunikasi telefon bimbit dan stesen-stesen radio.
42. PN-1141-L2554
Dato' Rhina Bhar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pihak Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu Mahkamah Perlembagaan untuk menangani perkara-perkara yang melibatkan kes-kes penukaran agama.
43. PN-1141-L2878
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah faktor utama yang menghalang rundingan dan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Amerika Syarikat dengan Malaysia serta apakah kesan negatif dan positif andai kata rundingan FTA, Amerika Syarikat - Malaysia digugurkan serta strategi Malaysia bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang akan berlaku akibat daripadanya.
44. PN-1141-L2031
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah trend pelajar terkini yang telah mahupun bakal menduduki peperiksaan SPM gemar mengambil sejumlah subjek yang banyak berbanding sejumlah subjek yang perlu mengikut kursus yang pelajar minati di IPT akan mengganggu tahap konsentrasi pelajar serta adakah dengan trend ini boleh mengajar pelajar erti "survivor" di dalam kehidupan sebenar.
45. PN-1141-L2311
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan untuk tahun 2006 melebihi daripada jumlah yang disasarkan dan nyatakan jumlah kehadiran pelancong asing dalam tempoh empat bulan terakhir 2006. Apakah aduan-aduan utama oleh para pelancong sepanjang tempoh tersebut.
46. PN-1141-L2661
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan melalui RTM dan dalam media tempatan dalam soal menimbulkan kesedaran dan patriotisme di kalangan generasi muda sempena perayaan 50 tahun kemerdekaan.

47. PN-1141-L2312
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap keselamatan pesawat-pesawat penerbangan milik MAS dan Air Asia dan apakah prosedur dan kekerapan yang digunakan untuk memeriksa pesawat tersebut agar tidak berlaku nahas udara seperti yang sering berlaku kepada pesawat-pesawat penerbangan milik negara jiran.
48. PN-1141-L2656
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai pelan tindakan yang fokus untuk membangunkan ekonomi belia. Jika ada, sila nyatakan secara spesifik bagaimana pelan tersebut akan diimplementasikan.
49. PN-1141-L2252
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghalang pekerja asing tanpa permit masuk ke negara kita dan berikan penjelasan ke atas anggaran pekerja asing tanpa permit yang telah ditangkap pada tahun 2006 dan dari Januari 2007 hingga Mac 2007.
50. PN-1141-L2462
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai peruntukan biasiswa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam peringkat Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PHD) di luar negara meskipun mereka sudah mendapatkan tempat di universiti tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana tidak memperoleh biasiswa sebagai contohnya kursus dalam aeroangkasa yang tidak tersenarai dalam kursus yang diberikan biasiswa.
51. PN-1141-L2860
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pihak Kementerian sedar tindakan membawa masuk pekerja asing tanpa kawalan dapat menjejaskan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan memberi kesan sosial yang begitu besar kepada negara.
52. PN-1141-L2265
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan secara terperinci jumlah sungai yang teruk tercemar dan apakah langkah-langkah yang telah disusun serta kos yang perlu dikeluarkan bagi memulihkan sungai-sungai tersebut.
53. PN-1141-L2490
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perbelanjaan Malaysia dalam NAM dan OIC dalam tempoh Malaysia sebagai pengerusi organisasi-organisasi tersebut dan apakah pencapaian dengan inisiatif Malaysia ini dalam tempoh tersebut.

54. PN-1141-L2464
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan punca kelemahan sistem reka bentuk, kerja pemasangan dan penyeliaan pada bangunan Jabatan Imigresen di Putrajaya berikutan kes paip pecah yang mengakibatkan segala aktiviti di bangunan tersebut dihentikan dan huraikan juga usaha-usaha yang diambil untuk menangani permasalahan ini.
55. PN-1141-L2370
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah kelembapan (penurunan) penjualan kereta model tempatan terjejas disebabkan oleh terlalu banyak kereta-kereta import menguasai pasaran sekarang.
56. PN-1141-L2623
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan justifikasi untuk mewujudkan sistem "smart school" dengan kurikulum yang berlainan daripada sistem persekolahan kebangsaan yang sedia ada dan apakah implikasinya ke atas sosio ekonomi dan perpaduan negara terutama sekali antara bandar dan luar bandar.
57. PN-1141-L2445
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendekatan-pendekatan untuk menggalakkan negara-negara seluruh dunia membuat reinvestment (pelaburan ulangan) di Malaysia dalam bidang-bidang baru.
58. PN-1141-L2582
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah bilangan jururawat bertauliah dan doktor mencukupi atau tidak yang dalam memberi perkhidmatan kesihatan yang secukupnya kepada pesakit-pesakit yang kian bertambah.
59. PN-1141-L2404
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana penguatkuasaan bagi membendung blog dalam internet yang menyiarkan bahan berunsur hasutan, fitnah atau bercanggah dengan undang-undang.
60. PN-1141-L2713
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa hakim mahkamah syariah tidak mendapat keistimewaan setaraf hakim di mahkamah sivil sedangkan status kedua-dua mahkamah itu adalah sama menjalankan tugas dalam melaksanakan keadilan.

61. PN-1141-L2629
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah keberkesanan peranan Malaysia selaku Pengerusi OIC dalam usaha damai dan permuafakatan antara sesama negara Islam dan apakah langkah-langkah spesifik yang telah diambil oleh Malaysia sebagai Pengerusi OIC dalam membawa kesepakatan supaya negara-negara Islam tidak diperkotak-katikkan.
62. PN-1141-L2574
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah perbelanjaan yang digunakan untuk 'Eye On Malaysia' sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 di Taman Tasik Titiwangsa, pulangannya sehingga kini dan akhir tahun ini, bagaimana sambutan dari pelancong asing dan rakyat tempatan serta masalah kacau ganggu di kawasan tapak dan persekitarannya.
63. PN-1141-L2737
Tuan Maijol bin Mahap minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan jenis kes-kes yang telah dikendalikan oleh Mahkamah Bergerak di Malaysia dan juga di Sabah khasnya sejak ia diperkenalkan.
64. PN-1141-L2594
Puan Heng Seai Kie minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang memasang lampu isyarat trafik dengan sistem "Digital Count-down" di bandar-bandar besar secara berperingkat kerana ia terbukti lebih mesra pengguna dan dapat mengurangkan jumlah kemalangan.
65. PN-1141-L2607
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah isteri bagi pasangan yang tidak mendaftar perkahwinan mereka tetapi nama suami beliau terkandung dalam surat lahir anak boleh diterima sebagai isteri yang sah dalam sebarang tuntutan sekiranya suami telah meninggal dunia.
66. PN-1141-L2564
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan bilangan pelancong luar negara yang telah mengunjungi negara dalam masa suku tahun pertama sempena Tahun Melawat Malaysia 2007.
67. PN-1141-L2746
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian ingin meneruskan cadangan untuk menggubal dan memperkenalkan Dasar Perumahan Negara.

68. PN-1141-L2093
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta
MENTERI PELAJARAN menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menggalakkan penyertaan bukan Melayu memasuki Institut Pendidikan Guru (IPG) kerana daripada jumlah pemohon sebanyak 88,171 pada tahun 2007, hanya 10 peratus, atau 10,270 adalah pemohon bukan Melayu; dan
 - (b) apakah Kerajaan mengamalkan sistem kuota dalam pengambilan bakal-bakal guru untuk menyertai profesion perguruan, sedangkan pada masa ini masih terdapat kekurangan guru-guru terlatih khususnya dalam bahasa Inggeris terutamanya di kawasan luar bandar.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

Mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara 70(1), Y.A.B. Perdana Menteri mohon mengemukakan Usul seperti berikut:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Penggal Keempat Parlimen Kesebelas.”

1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Bin Pawanteh [Pengerusi]
 2. Y.B. Dato' Ir. Wong Foon Meng
 3. Y.B. Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman
 4. Y.B. Dato' Dr. Vijayaratnam A/L S. Seevaratnam
 5. Y.B. Dato' Sri Empiang Jabu
-
2. (D.R. 27/2006) Rang Undang-undang Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2006- **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (17 Mei 2007)”**.
 3. (D.R. 28/2006) Rang Undang-undang Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas)(Pindaan) 2006; **Bacaan Kali Yang Kedua**
 4. (D.R. 38/2006) Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2006; “
 5. (D.R. 37/2006) Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2006; “
 6. (D.R. 36/2006) Rang Undang-undang Persatuan Nelayan (Pindaan) 2006; “
 7. (D.R. 44/2006) Rang Undang-undang Industri Biobahan Api Malaysia 2006; “
 8. (D.R. 30/2006) Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006; “
 9. (D.R. 33/2006) Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006; “

10.	(D.R. 52/2006)	Rang undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;	Bacaan Kali Yang Kedua
11.	(D.R. 2/2007)	Rang undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;	“
12.	(D.R.3/2007)	Rang undang-undang Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007;	“
13.	(D.R. 4/2007)	Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;	“
14.	(D.R. 6/2007)	Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;	“
15.	(D.R. 7/2007)	Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;	“
16.	(D.R. 8/2007)	Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;	“
17.	(D.R. 11/2007)	Rang Undang-undang Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007;	“
18.	(D.R. 12/2007)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;	“
19.	(D.R. 10/2007)	Rang undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;	“
20.	(D.R. 13/2007)	Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) (Pindaan) 2007; dan	“
21.	(D.R. 14/2007)	Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.	“

22. PN-1141-U2092

Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin akan mencadangkan:-

"Bahawa, Ahli-ahli Dewan yang mulia ini menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa berangkat membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Kesebelas yang telah menghargai Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dalam menerajui tampuk perundangan negara;

Menyedari, seruan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong supaya Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat membuktikan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan menjalankan segala tugas dan kewajipan, di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dengan penuh kewibawaan dan integriti;

Maka, Dewan yang mulia ini membuat satu ketetapan supaya lagu "Negaraku" dimainkan dan dinyanyikan beramai-ramai oleh Ahli-ahli Dewan Negara termasuk pegawai-pegawai yang hadir pada setiap kali selepas bacaan doa pada setiap hari Dewan bersidang; dan ketetapan ini juga hendaklah dipanjangkan kepada Dewan Rakyat."

(Perdana Menteri)

23. PN-1141-U2323

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan segera memberikan perhatian dan bantuan yang serius terhadap nasib pekerja-pekerja Malaysia yang terkandas dan tertipu di Singapura. Tindakan tegas mestilah diambil terhadap agensi-agensi pekerjaan khususnya yang beroperasi di Malaysia. Kerajaan juga perlu mengujudkan perjanjian dua hala yang lebih ketat mengenai pengambilan pekerja-pekerja Malaysia ke Singapura."

(Menteri Luar Negeri)

24. PN-1141-U2325

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengambil langkah segera untuk menyelamatkan 50 Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) bumiputera yang nyawa-nyawa ikan sedangkan 700 buah lagi telah pun gulung tikar. Masalah seperti kesukaran mendapatkan pembiayaan pelajar, kekurangan pelajar, saingan daripada Institusi Latihan Awam (ILA) dan dasar yang tidak jelas sejak 2003 masih menghantui masa depan ILKS bumiputera ini."

(Menteri Sumber Manusia)

25. PN-1141-U2327

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan bertindak tegas terhadap stesen penyiaran swasta yang gagal memenuhi garis panduan penyiaran yang menetapkan sekurang-kurangnya 60% program adalah dalam Bahasa Kebangsaan. Ia adalah isu lama yang berlarutan yang berkait rapat dengan isu komitmen, penguatkuasaan dan pertindihan tanggungjawab."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

26. PN-1141-U2329

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan sebarang program realiti yang pemenangnya ditentukan semata-mata oleh undian SMS. Ternyata program seumpama ini hanya bertujuan untuk mengeksploitasi orang ramai yang berbelanja secara membazir. Ia bukan sahaja gagal melahirkan pemenang yang berkualiti tetapi mengujudkan budaya yang salah dalam melahirkan idola yang sepatutnya dicontohi oleh generasi muda."

(Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<i>RISALAT/DOKUMEN</i>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.108	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007
ST.109	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007
ST.110	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2000 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007
ST.111	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2001 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007
ST.112	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2002 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007
ST.113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007
ST.114	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	21 Mei 2007